

Cabaran dan Keperluan Praktis Kerja Sosial dalam Membantu Sistem Perundangan Malaysia

(Challenges and the Need of Social Work Practices in Assisting the Malaysian Legal System)

Mohd Alif Jasni^{1*} 

¹Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah, Malaysia;

Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (iPSYCORE), Universiti Utara Malaysia, Sintok 06010, Kedah, Malaysia;

Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur, Menara Putra, 15-02-08, Lorong Tiong Nam 5, Chow Kit, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: mohd.alif.jasni@uum.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Mohd Alif Jasni

(mohd.alif.jasni@uum.edu.my)

KATA KUNCI:

Pekerja sosial

Perundangan

Cabaran

Praktis kerja sosial

KEYWORDS:

Social worker

Legislation

Challenges

Social work practice

CITATION:

Mohd Alif Jasni. (2022). Cabaran dan Keperluan Praktis Kerja Sosial dalam Membantu Sistem Perundangan Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(7), e001593. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i7.1593>

ABSTRAK

Pekerja sosial memainkan peranan antara masyarakat dan menjadi pengantara dengan perundangan dan menyelesaikan isu-isu yang rumit seperti kes penderaan, pertikaian kawalan kehakiman, penderaan pasangan, penceraian, penetapan keadilan juvana dan jenayah kalangan remaja. Akta profesional kerja sosial dibuat berdasarkan masalah konkrit yang berlaku dalam masyarakat. Kerjasama antara pekerja sosial dan pengamal undang-undang meletakkan proses undang-undang lebih mudah dan lancar diselesaikan mengikut masa dan jadual ditetapkan. Piawaian etika dan perundangan memerlukan disiplin dan pekerja sosial perlu dapat membezakan dan menghayati profesion mereka untuk menyelesaikan masalah pelanggan dengan produktif, mengikut undang-undang dan beretika. Penulisan ini merupakan sebuah kertas konsep yang membincangkan cabaran dan keperluan praktis kerja sosial dalam membantu sistem perundangan Malaysia. Kertas konsep ini membincangkan tentang peranan amalan kerja sosial dalam perundangan, kepentingan undang-undang dalam praktis kerja sosial, kerjasama badan guaman dan kerja sosial di malaysia dan sebagainya. Keseluruhan kertas konsep ini memberi gambaran tentang cabaran yang dihadapi dalam praktis kerja sosial dan keperluan dalam mempertingkatkan sistem perundangan sedia ada.

ABSTRACT

Social workers play an inter-community role and mediate with the legislature and resolve complex issues such as abuse cases, judicial control disputes, spousal abuse, divorce, juvenile justice and juvenile delinquency. The social work professional act is made based on concrete

problems that occur in society. Collaboration between social workers and legal practitioners puts the legal process easier and smoother completed within a set time and schedule. Ethical and legal standards require discipline and social workers need to be able to differentiate and appreciate their profession in order to solve client problems productively, legally and ethically. This paper is a concept paper that discusses the challenges and practical needs of social work in assisting the Malaysian legal system. This concept paper discusses the role of social work practice in legislation, the importance of law in social work practice, cooperation of legal bodies and social work in Malaysia and so on. The entire concept paper provides an overview of the challenges faced in social work practice and the need in improving the existing legal system.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dan mengisi kekosongan yang wujud tentang praktis kerja sosial di dalam aspek perundangan di Malaysia. Penyelidikan sedemikian boleh digunakan untuk memberi panduan kepada penggubal dasar, ahli akademik, dan pelajar dalam mempelajari lebih lanjut tentang praktis kerja sosial yang dapat diperkenalkan di dalam sistem perundangan yang ada. Di samping itu, penulisan sebegini boleh dijadikan rujukan dalam memantapkan praktis kerja sosial sedia ada di dalam negara.

1. Pengenalan

Sistem perundangan adalah nadi kepada sesebuah negara. Sistem perundangan yang terbaik melambangkan prestasi yang berwibawa, cekap, telus dan memudahkan urusan perkhidmatan kerajaan kepada masyarakat. Menyedari betapa pentingnya urusan perundangan menyebabkan pengamal perundangan di setiap negara berusaha mencari jalan penyelesaian bagi memantapkan lagi perkhidmatan perundangan kepada masyarakat. Rentetan itu, badan perundangan sedaya upaya menyelesaikan masalah yang timbul dalam sistem perundangan dengan mengambil beberapa langkah drastik iaitu melakukan tinjauan kepuasan klien kepada staf perundangan dan juga kepada masyarakat. Menurut [Pott \(2017\)](#) hasil tinjauan yang dijalankan mendapati orang awam menginginkan satu penambahbaikan sistem perundangan dengan menambahkan bilangan pekerja dalam badan tersebut.

Oleh yang demikian, badan perundangan bersepakat menambahkan bilangan pekerja pengamal perundangan dan juga mencari alternatif menggunakan perkhidmatan kerja sosial bagi membantu ke arah perkhidmatan lebih profesional, progresif dan proaktif dalam memberi perkhidmatan berkualiti kepada masyarakat. Menurut [Craig, Saur, dan Arcuri \(1982\)](#), di Amerika Syarikat, England, Wales dan beberapa negara di dunia telah lama menggunakan perkhidmatan kerja sosial dalam membantu sistem perundangan negara. Mereka juga menyatakan lagi terdapat segelintir masyarakat di dunia yang telah dikenal pasti tidak berkemampuan menggunakan perkhidmatan undang-undang disebabkan kurangnya pengetahuan dan juga faktor kemiskinan. Selain itu, [Gibens \(2014\)](#) menjelaskan bahawa pekerja sosial telah bekerjasama dengan peguam untuk membantu masyarakat yang memerlukan menggunakan perkhidmatan perundangan. Menurut [Zulazhar \(2011\)](#), nilai dan matlamat yang dikongsi bersama antara peguam dan kerja sosial telah membentuk satu kerjasama baharu yang profesional.

Menurut [Zulazhar \(2011\)](#), perkhidmatan undang-undang berkongsi matlamat untuk meningkatkan kehidupan golongan yang tidak berkemampuan melalui penyediaan perkhidmatan secara terus kepada individu melalui pengubahsuaian kuasa sosio undang-undang dalam masyarakat. Selain itu, [Zela Wati \(2021\)](#) mendedahkan program perkhidmatan undang-undang menyediakan perwakilan undang-undang percuma kepada individu berpendapatan rendah dalam hal melibatkan sivil, mendidik golongan miskin mengenai hak dan tanggungjawab undang-undang, perubahan undang-undang yang memberikan kesan kepada masyarakat berdasarkan kesan daripada keputusan sosial dan politik. Pembahagian kerja sosial melibatkan kerja-kerja dalam pecahan bidang perundangan seperti penceraian, hak penjagaan anak, pengusiran, muflis dan gangguan emosi. Kerja sosial dalam membantu perundangan lebih kepada melakukan penilaian dan pengesyoran psikologi, perhubungan dengan agensi perkhidmatan sosial, kaunseling, penyelesaian dan rujukan.

Hubungan antara undang-undang dan amalan kerja sosial adalah kompleks. Walaupun pemahaman yang mendalam tentang cara undang-undang mempengaruhi amalan kerja sosial setiap hari adalah penting, ia juga melibatkan lebih daripada sekadar mempelajari peraturan undang-undang. Maka dengan itu, renungan berterusan dan analisis kritis terhadap nilai dan amalan kerja sosial yang diamalkan adalah diperlukan untuk menjadi seorang pengamal yang berkesan. Hal ini bagi memastikan praktis kerja sosial yang dijalankan dengan penuh etika dan profesionalisme. Undang-undang kerja sosial ialah istilah umum yang merujuk kepada aspek undang-undang amalan kerja sosial, seperti memahami hubungan umum antara sistem keadilan dan kerja sosial, mempunyai pengetahuan tentang undang-undang dan agensi kawal selia yang mempengaruhi bidang kerja sosial seseorang, dan bersedia untuk berkhidmat sebagai saksi dalam kes mahkamah.

Memandangkan ramai pekerja sosial diambil bekerja oleh agensi kerajaan negeri atau tempatan, mereka perlu mengetahui sejauh mana kuasa dan tugas mereka. Di samping itu, peningkatan pesat dalam saman penyelewengan terhadap pekerja sosial sejak 1980-an bermakna pekerja sosial perlu memaklumkan diri mereka tentang risiko undang-undang mereka. Tambahan pula, pekerja sosial tertakluk kepada beberapa set peraturan atau kod etika yang mungkin bercanggah di pelbagai peringkat dengan undang-undang sivil atau jenayah dalam bidang kuasa khusus mereka. Set piawaian lain ini mungkin termasuk: pelesenan profesional dan keperluan tatatertib, kod etika seperti kod yang disemak oleh Persatuan Pekerja Sosial Kebangsaan (NASW) pada tahun 1999, peraturan dan dasar yang ditetapkan oleh agensi yang menggaji pekerja sosial tersebut, standard penjagaan budaya atau komuniti tempatan dan bentuk profesionalisme pekerja sosial itu sendiri. Di Malaysia, Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan undang-undang baharu yang dinamakan Akta Profesion Pekerja Sosial yang akan menyaksikan pekerja sosial dikategorikan sebagai profesional. Pada tahun 2019, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata ia bertujuan meningkatkan kecekapan dalam pengurusan kerja sosial untuk kumpulan sasaran ([Kaur, 2019](#)).

2. Sorotan Literatur

2.1. Peranan Amalan Kerja Sosial dalam Perundangan

Sepertimana sedia maklum, undang-undang adalah peraturan atau sistem peraturan yang dibuat dan diiktiraf oleh sesebuah negara atau komuniti bagi mengawal tindakan

yang dilakukan oleh orang awam. Di Malaysia, undang-undang telah digubal perlu dipatuhi oleh setiap individu di Malaysia. Peranan kerja sosial dalam sistem perundangan di Malaysia adalah amat penting yang mana ianya amat memberikan kesan signifikan kepada bidang perundangan negara dan juga kepada masyarakat. Perundangan dan kerja sosial berkait rapat yang mana seperti yang dijelaskan oleh [Reamer \(2005\)](#), sistem perundangan adalah subsistem penting dalam persekitaran sosial klien yang merujuk kepada permasalahan yang berlaku dalam masyarakat. Beliau menjelaskan lagi bahawa klien kepada pekerja sosial juga terlibat dalam sistem perundangan contohnya klien kes perlindungan kanak-kanak, keadilan jenayah atau masalah keadilan dalam organisasi pentadbiran. Peranan kerja sosial sangat membantu badan perundangan yang mana menurut [Pott \(2017\)](#) menyedari terlebih awal bahawa sistem perundangan telah berjaya mengawal setiap sistem dalam masyarakat dengan adanya kerjasama dengan pekerja sosial. Selain itu, [Shelton \(2020\)](#) juga menjelaskan pekerja sosial adalah antara yang menyokong pembaharuan yang dilakukan oleh badan perundangan dengan berkolaborasi bersama untuk meningkatkan kebaikan bersama antara klien dan persekitaran sosio-perundangan. [Chamberlain dan Graff \(2008\)](#) mendedahkan bahawa kerja sosial menjadi penghubung badan perundangan. Misalnya, pekerja sosial menjadi perantara antara tuan tanah dan penyewa, majikan dan pekerja, doktor dan pesakit, isteri dan suami dan juga ibu bapa dan anak. [Courtney dan Hook \(2012\)](#) mendedahkan pasukan kerja sosial dan peguam telah bekerjasama dalam mencegah kes-kes kanak-kanak dan menyediakan bantuan undang-undang sivil kepada penjaga kanak-kanak yang terlibat dan memberikan perlindungan bagi menyelesaikan isu keselamatan kanak-kanak terbabit.

Badan perundangan perlu memberikan pengetahuan dan pemahaman secara praktikal kepada pekerja sosial berkenaan dengan hak dan tanggungjawabnya kepada klien dalam pelbagai hubungan sosial yang berkait dengan perundangan. Sebagai contoh di setiap kementerian, jabatan-jabatan, badan berkanun dan sebagainya di Malaysia telah dikawal oleh undang-undang khusus. Oleh yang demikian, terdapat pekerja sosial telah ditempatkan di beberapa sektor seperti hospital, sekolah, institusi pemulihan, kemudahan kesihatan mental dan agensi sosial lain yang semua dikawal oleh kuasa perundangan khas. Dengan adanya undang-undang khusus, kerajaan akan menentukan penurunan kuasa kepada pekerja untuk perkhidmatan yang dilakukan contohnya seperti piawaian penyimpanan rekod, kerahsiaan dan hak-hak klien ([Phillis, 1979](#)). Dapat disimpulkan bahawa apabila perundangan telah bekerjasama dengan kerja sosial, maka pekerja sosial wajar memahami sepenuhnya undang-undang untuk memastikan bahawa agensi dan klien mereka mematuhi undang-undang dan serta menyokong sepenuhnya perubahan-perubahan yang dilakukan dalam sistem perundangan negara tidak lain adalah untuk menggalakkan keadilan sosial dan ekonomi masyarakat.

Bagi memastikan kerja sosial tidak menyalahi piawaian perundangan, [Reamer \(2005\)](#) mencadangkan profesion kerja sosial perlu dikawal oleh pelbagai undang-undang, etika dan nilai-nilai murni. Manakala sistem perundangan berfungsi mengawal sepenuhnya operasi amalan kerja sosial dengan memberikan lesen-lesen (perlesenan) atau akreditasi untuk menentukan serta menapis pekerja sosial yang layak berkhidmat secara sah ([Gibens, 2014](#)). Badan perundangan perlu memaklumkan kepada pekerja sosial jika tersalah langkah, tingkah laku yang membawa kepada hukuman tatatertib atau apa sahaja penyelewengan yang mengenal pasti peranan pekerja sosial perlu bertanggungjawab secara sah jika terdapat kemudaratan kepada klien ([Zajac, 2011](#)). Oleh yang demikian, badan perundangan perlu membuat satu undang-undang khas

untuk kerja sosial memastikan kerja sosial melaksanakan tugas secara profesional dan mengikut peraturan.

Kerja sosial merangkumi pelbagai bidang kepakaran tertentu contohnya pekerja sosial telah dilatih dalam menolong badan perundangan dalam aspek forensik, menyediakan siasatan, penilaian, keterangan daripada pakar dan rawatan untuk klien yang terlibat dalam mahkamah atau sistem undang-undang lain. Pekerja sosial yang bekerjasama dengan badan perundangan diperlukan untuk membantu mengambil bahan bukti, keterangan dan sebagainya yang akan dijadikan pelaporan terakhir untuk dipertimbangkan oleh pengamal perundangan. Secara tidak langsung, pekerja sosial diberikan kuasa dan tugas yang betul berdasarkan piawaian etika dan perundangan untuk mereka bekerja dengan lebih bertanggungjawab dan profesional. Walaupun begitu, jika terdapat pekerja sosial yang tidak mempunyai latar belakang pengetahuan dalam bidang perundangan ianya akan melemahkan sistem perundangan kerana tidak berkemahiran dan tidak berkeupayaan bekerja secara cekap dan berkesan untuk memenuhi keperluan klien. Selain itu, beberapa manfaat yang boleh diperolehi daripada peranan kerja sosial dalam perundangan seperti berikut (Pott, 2017):

- i. Imbangan kuasa lebih baik; Pasukan pekerja sosial dan peguam boleh mencapai keseimbangan kuasa yang lebih sama. Klien akan menggunakan perkhidmatan pekerja sosial kerana klien lebih mengetahui bahawa pekerja sosial tidak akan mengabaikan kebajikan mereka.
- ii. Penyelesaian konflik berkepentingan; Pekerja sosial cuba mengimbangi semua kepentingan pihak dan mengesyorkan beberapa kaedah penyelesaian yang tertumpu kepada kepentingan satu pihak dan tidak wujud situasi yang perlu diimbangi demi kepentingan persaingan lawan.
- iii. Perlindungan kerahsiaan klien; Pekerja sosial mewakili dalam prosiding undang-undang klien maka wajib memakai kod etika kerja sosial untuk melindungi maklumat sulit klien. Pendedahan maklumat dilakukan jika mendapat keizinan daripada klien.
- iv. Penggunaan sumber yang cekap; Penggunaan pekerja sosial sebagai tambahan kepada perwakilan undang-undang adalah salah satu penggunaan sumber yang cekap.

2.2. Kepentingan Undang-Undang dalam Praktis Kerja Sosial

Undang-undang secara amnya merujuk kepada himpunan akta-akta, peraturan-peraturan dan polisi-polisi yang membentuk satu disiplin, keadilan dan pentadbiran yang baik serta adil (Albert, 1985). Dalam perkhidmatan sosial, undang-undang ini akan memastikan ketelusan serta konsep tanggungjawab, integriti dan akauntabiliti diamalkan dalam proses pengurusan serta pentadbiran khidmat sosial (Samir et al., 2020). Apabila wujud undang-undang, akta-akta, peraturan-peraturan menunjukkan pekerja sosial adalah tertakluk kepada kawalan undang-undang. Kawalan undang-undang ini menegaskan kuasa-kuasa pekerja sosial dalam setiap aspek tindakan yang dilakukan (Sue & Orchard, 2015). Sebagai contoh pekerja sosial jelas mengetahui apa-apa tindak tanduk serta keputusan yang telah dilakukan tertakluk dalam bidang kuasa mereka. Manakala undang-undang ini dilakukan bagi mengelak pekerja sosial melaksanakan perkara luar daripada bidang kuasa yang diberikan. Ianya adalah wajar untuk mengelakkan daripada terjadi ultra-virus dalam sistem pengurusan pekerja sosial (Albert, 1985).

Jelas kepentingan undang-undang dalam sesebuah negara diperlukan bagi menyelesaikan isu-isu dan kes-kes ketidakadilan yang berlaku dalam masyarakat. Kebiasaannya dalam isu pentadbiran kerajaan biasa mengamalkan amalan birokrasi dan kuasa budi bicara yang sangat besar dan luas yang telah diamanahkan kepada pihak pekerja sosial dalam melaksanakan tugas yang diberikan (Fatimah & Noor Azizah, 2001). Sebagai contoh pekerja sosial kerajaan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah merupakan penjawat awam dan mereka termaktub dengan Undang-Undang Pentadbiran. Maka, pekerja sosial bawah JKM perlu bertindak mengikut landasan Undang-Undang Pentadbiran. Undang-Undang Pentadbiran yang diwujudkan adalah salah satu medium kawalan memantau sama ada terdapat salah guna kuasa atau penyelewengan kuasa tanpa mengganggu kelancaran kerja-kerja kerajaan. Namun begitu pekerja sosial masih tidak mempunyai undang-undang atau akta tersendiri. Hal ini menurut Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) rang undang-undang bagi Profesion Kerja Sosial masih dalam peringkat akhir penggubalan draf (Astro Awani, 2021). Oleh yang demikian, pekerja sosial di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tertakluk sepenuhnya dengan Undang-Undang Pentadbiran (Siti Hajar et al., 2020). Kewujudan undang-undang khas untuk profesion kerja sosial ini adalah sebab keperluan yang terjadi daripada kepentingan bersesuaian dengan peredaran masa dan teknologi.

2.3. Kerjasama Badan Guaman dan Kerja Sosial di Malaysia

Apabila melibatkan hubungan antara peguam dan pekerja sosial, ianya pasti melibatkan klien yang menggunakan perkhidmatan mereka dalam menyelesaikan kes-kes mereka hadapi. Klien menggunakan perkhidmatan perundangan dan merujuk badan guaman bagi menyelesaikan kes mereka. Klien berkemungkinan berjumpa dengan peguam atas beberapa alasan berikut iaitu:

- i. Klien ingin mendapatkan pandangan dan nasihat yang berkaitan dengan perundangan;
- ii. Mahukan peguam tersebut mewakili klien di mahkamah;
- iii. Mahukan peguam mengendalikan hak keadilan mereka dari aspek undang-undang.

Namun begitu, klien mengharapkan perkhidmatan yang diberikan oleh badan perundangan dikhususkan pada keadaan berikut:

- i. Klien telah didakwa melakukan kesalahan jenayah maka disabitkan kes tersebut mahu mendapatkan nasihat mengenai pembelaan dan juga mewakili mereka di mahkamah;
- ii. Jika klien ingin melakukan tuntutan kepada pihak lain, maka ianya akan menggunakan khidmat peguam membantu membuat tuntutan dan akhirnya mewakili klien ke mahkamah;
- iii. Jika terdapat pihak tertentu mengenakan tuntutan tidak munasabah dan tidak adil kepada klien maka klien memerlukan bantuan khidmat peguam untuk pembelaan.

Klien menggunakan khidmat guaman jika terdapat kes seperti di atas, namun begitu tidak semua mampu menggunakan khidmat peguam kerana kos bayaran agak tinggi dan mahal. Sudah pasti, klien mengalami kebuntuan apabila memikirkan kos-kos guaman tersebut kerana terdapat antara klien adalah golongan miskin dan tidak berkemampuan (Craig et al., 1982). Kebanyakan kes-kes seperti ini akan merujuk kepada Jabatan Kerja Sosial Perundangan bagi membantu klien yang tidak mempunyai sumber pendapatan

kukuh dan dari golongan miskin. Rentetan tersebut ianya menjadi tanggungjawab kepada Pekerja Sosial Perundangan bertindak menjadi pendengar dan cuba meleraikan kes klien. Antara peranan lain Pegawai Kerja Sosial Perundangan ialah sebagai medium antara klien, peguam dan mahkamah memberikan bantuan yang dapat meleraikan kes-kes klien bertindak berasaskan pengetahuan mereka dalam perundangan. Pegawai Kerja Sosial Perundangan perlu bertindak sebagai medium yang menghubungkan klien dan peguam dengan bidang perundangan yang berkaitan kes-kes yang dihadapi oleh mereka. Pegawai Kerja sosial menjadi anggota yang dapat membantu melancarkan lagi sistem perundangan negara dalam membantu meningkatkan produktif badan perundangan sama ada peguam swasta ataupun peguam kerajaan di Malaysia.

2.4. Senario Pegawai Kerja Sosial Perundangan di Malaysia

Pelbagai latar belakang rakyat yang hadir menggunakan perkhidmatan perundangan di Malaysia. Jika klien yang datang daripada pendapatan yang kukuh mereka akan memilih menggunakan perkhidmatan peguam swasta yang mudah dan cepat. Sebaliknya jika terdapat klien yang datang daripada golongan tidak berkemampuan, mereka akan menggunakan perkhidmatan yang telah disediakan oleh kerajaan seperti hadir ke Biro Bantuan Guaman Malaysia untuk mendapatkan perkhidmatan guaman yang lebih murah. Sebelum klien hadir ke Biro Bantuan Guaman Malaysia ianya perlu melalui proses berjumpa dengan Pegawai Kerja Sosial Perundangan yang disediakan di setiap agensi kerajaan mengikut kes-kes klien. Berdasarkan kajian [Mohd Kamaruzaman \(2017\)](#) beberapa kriteria klien berjumpa agensi kerajaan mengikut kes dan masalah mereka hadapi contohnya golongan asnaf akan berjumpa dengan Pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat; selain itu jika terdapat masalah dalam rumah tangga akan merujuk Pegawai Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Jabatan Agama Islam Negeri dan isu-isu penderaan kanak-kanak akan merujuk kepada Pegawai Polis Diraja Malaysia dan sebagainya. Semua klien yang merujuk agensi seperti contoh diberikan akan melalui penilaian daripada Pegawai Kerja Sosial Perundangan di setiap jabatan dan agensi berkenaan terlebih dahulu. Sekiranya kes-kes tersebut melibatkan peguam maka permohonan berkaitan akan dipanjangkan oleh Pegawai Kerja Sosial melalui SOP (Standard Operasi Prosedur) yang ditetapkan oleh pihak kerajaan Malaysia seluruh negara.

Di Malaysia, setiap agensi kerajaan telah menubuhkan jawatan Pegawai Kerja Sosial Perundangan yang mana berfungsi menolong semua badan kerajaan yang terlibat seperti pendidikan, perubatan, perundangan dan sebagainya dengan lebih cekap dan berkesan. Kerjasama Pegawai Kerja Sosial sebagai penghubung yang mempercepatkan saluran antara individu, kelompok-kelompok dan masyarakat menggunakan khidmat perundangan dengan lebih mudah ([Craig et al., 1982](#)). Selain itu, [Zulazhar \(2011\)](#) mendedahkan Pegawai Kerja Sosial Perundangan berfungsi seperti berikut:

- i. Membantu klien menggunakan khidmat perundangan dengan memberikan nasihat perundangan berdasarkan masalah-masalah atau kes-kes yang dialami oleh mereka;
- ii. Membantu klien dengan capaian prosedur sistem-sistem sumber perundangan;
- iii. Memberikan fasiliti interaksi dengan sistem-sistem sumber perundangan;
- iv. Mempengaruhi kebajikan sosial klien semasa perjalanan perundangan sedang berjalan di mahkamah;
- v. Bertindak mempercepatkan prosedur perundangan dengan mengidentifikasikan kes-kes dan mencari jalan pintasan terbaik untuk membantu klien;

- vi. Bertindak memberikan layanan perundangan terbaik kepada klien yang mengalami kebuntuan bantuan berdasarkan kes-kes mereka hadapi;
- vii. Bertindak sebagai pendidik dan menyampaikan informasi berkenaan dengan perundangan kepada klien;
- viii. Bertindak sebagai pengumpul maklumat dan data mengenai masalah dan kes-kes perundangan dalam agensi kerajaan yang dikendalikan
- ix. Bertindak menganalisis serta memberikan alternatif tindakan rasional dalam mengakses capaian perundangan yang ada untuk mengatasi masalah kebuntuan klien;
- x. Bertindak sebagai fasilitator dalam mempermudah proses kes-kes klien dan menolong sepanjang proses kes berlangsung dengan memberikan idea-idea berkaitan kes perundangan. Pegawai Kerja Sosial Perundangan akan mendampingi klien dalam setiap tindakan dengan memberikan sokongan emosi dan motivasi dan berusaha mengatasi masalah klien.
- xi. Bertindak sebagai perujuk perundangan berkenaan dengan prosedur, akta-akta dan perundangan yang terlibat berdasarkan sesuatu kes yang berlaku dalam agensi kerajaan tersebut.
- xii. Bertindak sebagai penasihat perundangan kes sivil dan syariah;
- xiii. Bertindak melakukan siasatan berkenaan aduan dan kes klien terlibat;
- xiv. Bertindak dan memberikan ceramah dan penerangan kepada staf agensi atau klien tentang hak-hak di bawah perundangan terlibat; dan
- xv. Bertindak memberi pengadil dan menjalankan pengantara menyelesaikan pertikaian secara damai dan sukarela.

Kerajaan telah menyedari bahawa Pegawai Kerja Sosial Perundangan sangat penting dalam memudahkan urusan perundangan negara berdasarkan fungsi-fungsi dan peranan yang diberikan bagi melancarkan proses perundangan. Oleh itu, agensi kerajaan telah menempatkan Pegawai Kerja Sosial bagi memudahkan urusan seharian kerajaan dalam memberikan perkhidmatan terbaik untuk masyarakat. Urus tadbir kerajaan menjadi semakin mudah kerana terdapat wakil perundangan dalam setiap jabatan dan agensi-agensi kerajaan untuk dirujuk. Semua kemusykilan boleh merujuk dan meminta pandangan kepada Pegawai Kerja Sosial Perundangan bagi mendapatkan pengesahan berkenaan dengan prosedur-prosedur perundangan yang terlibat. Selain itu, apabila agensi kerajaan tersebut hampir dengan masyarakat, maka ianya memerlukan seorang yang pakar dan mahir dalam sesuatu bidang untuk dirujuk sebelum dibawa kepada badan pengamal perundangan. Sekiranya tiada Pegawai Kerja Sosial Perundangan, sudah pasti setiap kes mengambil masa yang lama untuk diselesaikan dan secara tidak langsung ianya meningkatkan karenah birokrasi dalam sistem kerajaan. Oleh yang demikian, [Jadual 1](#) di bawah menjelaskan lagi peranan Pegawai Kerja Sosial Perundangan mengikut agensi-agensi kerajaan di Malaysia.

Jadual 1: Peranan Pegawai Kerja Sosial Perundangan

Bil	Agensi Kerajaan Terlibat	Peranan Pegawai Kerja Sosial Perundangan
1.	Biro Bantuan Guaman	Menemu bual, mengenal pasti, membuat penilaian dan memproses permohonan kes-kes klien.
2.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	Menyediakan bahan sokongan seperti surat bagi klien mendapatkan; -Perkhidmatan Biro Bantuan Guaman
3.	Majlis Agama Islam Negeri	Menyediakan surat sokongan bagi klien mendapatkan. Akta-Akta Syariah yang terlibat berdasarkan kes

Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia (JPN)	<p>syariah</p> <p>Perkhidmatan Peguam Syariah</p> <p>Merujuk kepada masalah klien terlibat seperti:</p> <p>Mengesan alamat pihak ketiga;</p> <p>Menyemak status kewarganegaraan</p> <p>Mengesan kedudukan dan identiti pihak ketiga yang bertikai;</p> <p>Mengesan pendaftaran pengangkatan anak angkat bagi kes penderaan dan sebagainya.</p>
Polis Diraja Malaysia (PDRM)	<p>Mendapatkan maklumat berkenaan;</p> <p>Pengesahan alamat pihak ketiga</p> <p>Ringkasan jenayah yang dilakukan oleh klien</p> <p>Laporan Polis bagi kes keganasan rumah tangga dan membantu klien mendapatkan Interim Protection Order setelah kertas siasatan dibuka</p>
Jabatan Imigresen Malaysia	<p>Mendapatkan maklumat status pihak ketiga keluar masuk ke luar negara</p>
Penjara Malaysia	<p>Merujuk kepada kes-kes banduan dan hukuman yang dikenakan ke atas banduan berkenaan.</p> <p>-menyediakan analisis data bantuan dengan akta jatuh hukum oleh mahkamah.</p> <p>-melihat prestasi banduan dan menjadi pengantara dengan mahkamah untuk hukuman diringkankan berdasarkan prestasi banduan.</p>

2.5. Tahap Profesional Kerja Sosial Perundangan di Malaysia

Kerja sosial adalah merupakan bidang profesional yang mana pengamalannya memerlukan kemahiran khusus dan berpegang kepada etika. Kerja sosial perundangan di Malaysia lebih kepada membantu kelompok dalam masyarakat di Malaysia mendapatkan hak-hak keadilan dan mewujudkan satu keadaan yang fleksibel, kondusif dan selesa dalam memenuhi keperluan sosial (Haris, 2003). Di Malaysia, profesion kerja sosial perundangan adalah menawarkan perkhidmatan membina polisi-polisi agensi kerajaan yang terlibat dengan perundangan. Menurut Fatimah dan Nor Azizah (2001), tahap profesional Pegawai Kerja Sosial Perundangan dapat dilihat dengan terlibat secara telus dalam menggubal polisi sosial selaras dengan kemudahan dan keperluan sosial pentadbiran negara. Sehingga kini, kemantapan kerja sosial perundangan dapat dilihat dengan pertambahan Pegawai Kerja Sosial Perundangan di setiap unit dan jabatan kerajaan menunjukkan peranan dimainkan oleh Pegawai Kerja Sosial Perundangan sangat penting menentukan prosedur perundangan jabatan.

Peranan pegawai Kerja Sosial Perundangan sering disalah tafsir. Namun begitu, kerja sosial perundangan telah memberikan sumbangan besar dalam bidang perundangan. Kesyukuran kerjasama kerja sosial dan perundangan membuahkan hasil apabila dapat meleraikan kemelut konflik dan kekeliruan peranan antara peguam dan kerja sosial perundangan. Kajian lepas mendapati pekerja sosial perundangan memprofesionalkan peranan mereka membantu badan perundangan, perunding masalah kes-kes jenayah melakukan siasatan ke atas aduan diterima dan sebagainya. Ahli pengamal perundangan yang lain mengiktiraf peranan pekerja sosial perundangan lebih kepada menolong klien mendapatkan khidmat guaman dan mereka perlu merujuk kes-kes klien dan membawa klien berjumpa dengan bantuan guaman (Kwinyike, 2017). Agak mencabar, pekerja sosial yang bertugas di agensi-agensi kerajaan mempunyai keterbatasan kuasa terhadap bidang tugas berbanding dengan peguam yang jelas boleh

membawa klien dan membela klien di mahkamah. Khidmat kerja sosial perundangan di setiap jabatan kerajaan diberikan kepada klien melalui permintaan daripada agensi perundangan khususnya peguam dan badan kehakiman. Oleh itu profesional perundangan perlu jelas peranan kerja sosial dalam membantu perundangan negara. Penjelasan ini boleh membantu pekerja sosial perundangan bekerja dan bertindak balas dengan cara kerja yang dikenal pasti mengikut standard operasi prosedur yang ditetapkan oleh kerajaan.

Impak daripada pengetahuan, profesion kerja sosial yang mempunyai perbezaan kepakaran di badan perundangan meningkatkan perkongsian pengetahuan berkenaan bidang perundangan secara tidak langsung. Kesan daripada itu, pengamalan kerja sosial dalam bidang perundangan di negara ini lebih kepada memberikan tumpuan kepada interaksi-interaksi dengan klien dengan penggunaan sumber dan kos yang efektif mengikut kemampuan klien. Jika sumber pendapatan klien yang kukuh pekerja sosial perundangan akan mengesyorkan untuk klien menggunakan khidmat guaman swasta. Jika sebaliknya, pekerja sosial perundangan akan menasihati klien menggunakan khidmat bantuan guaman yang disediakan oleh kerajaan.

2.6. Peranan Kod Etika Kerja Sosial di Malaysia

Jabatan Perdana Menteri adalah salah satu kementerian yang menguruskan pekerja sosial perundangan di Malaysia. Jabatan ini akan bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan dengan perkhidmatan sosial seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Pendaftaran Negara, Polis Diraja Malaysia dan Biro Bantuan Guaman. Selain itu, profesion kerja sosial di Malaysia disokong oleh Persatuan Pekerja Sosial Malaysia. Oleh itu, piawaian kod etika kerja sosial sentiasa dipantau dan dikawal selia. Keseragaman ini akan menunjukkan kemahiran, jalan kerja, tindakan dan sebagainya adalah sama kepada pekerja sosial di seluruh Malaysia. Menurut [Adi Fahrudin \(2003\)](#), pekerja sosial perundangan mempunyai garis panduan piawaian etika kerja dalam bidang profesional dalam konteks Malaysia seperti berikut:

- i. Pekerja sosial perundangan perlu memberikan komitmen terhadap klien yang datang berjumpa dengan mereka;
- ii. Pekerja sosial perundangan perlu mempunyai penentuan sendiri yang menjadi asas utama;
- iii. Pekerja sosial perundangan perlu konsisten memberikan segala informasi terkini kepada klien;
- iv. Bertindak dengan memberikan pertolongan mengikut kemampuan;
- v. Pekerja sosial perundangan perlu mengetahui perbezaan budaya sedia ada dalam komuniti;
- vi. Perlu bebas daripada konflik yang berkepentingan
- vii. Perlu menjaga kerahsiaan klien
- viii. Perlu profesional menggunakan kaedah penyampaian komunikasi yang tepat;
- ix. Bijak membuat keputusan dan nasihat untuk klien

Oleh yang demikian, bagi memastikan amalan kerja sosial perundangan sentiasa berada dalam ruang lingkup profesionalnya, kerajaan Malaysia telah membuat satu panduan etika kerja yang dimana diamalkan di tempat pekerja bertugas. Bidang kerja sosial perundangan diatur berdasarkan kepada khidmat perundangan yang diberikan kepada klien. Semasa bertugas pekerja sosial perundangan akan bertindak sebagai pembimbing dalam bidang pengetahuan yang hanya berkaitan perundangan. Pekerja sosial

perundangan perlu bertanggungjawab menyimpan rekod-rekod klien dan segala kerahsiaan klien. Jika terdapat agensi kerajaan lain yang menginginkan rekod klien tersebut maka pekerja sosial perundangan perlu memastikan persetujuan daripada klien terlebih dahulu sebelum menyerahkan rekod terbabit.

2.7. Penggubalan Akta Kerja Sosial

Rentetan daripada polisi sosial di atas telah dikenal pasti terdapat kekurangan dalam profesion kerja sosial. Menyedari hal tersebut maka kerajaan telah membawa masalah isu ini ke peringkat parlimen untuk digubal dan dibahaskan semula. Apabila menggubal sesuatu dasar maka ianya akan merujuk kepada satu set peraturan lengkap. Peraturan yang digubal perlu melalui satu proses perundangan yang akan diluluskan di peringkat Parlimen. Sesuatu peraturan, akta, prosedur yang dibentuk melalui undang-undang tidak boleh dibatalkan sewenang-wenangnya dan perlulah mengikut semua prosedur yang ditetapkan. Semua pindaan dan segala perubahan perlu melalui kelulusan khas undang-undang. Mengapa undang-undang diperlukan kerana ianya mempunyai kriteria hukuman yang bertujuan mengawal semua tingkah laku manusia. Apabila wujud satu sistem hukuman terancang seperti denda dan penjara maka masyarakat terus menurut perintah dan patuh mengikut undang-undang, peraturan dan akta yang ditetapkan. Memahami cabaran sosio perundangan dalam amalan perkhidmatan kerja sosial tertumpu kepada pelaksanaan undang-undang seperti akta-akta, peraturan dan polisi sosial yang berperanan penting dalam membentuk masyarakat yang berdisiplin dan beretika. Jika sesebuah negara tidak melaksanakan undang-undang, peraturan, akta dan polisi sudah pasti muncul pelbagai masalah sosial dan akhirnya perkhidmatan kerja sosial sedikit sebanyak terjejas daripada tercetusnya permasalahan tersebut. Menyedari hal tersebut maka satu penggubalan akta kerja sosial perlu dibuat seiring dengan perkembangan ekonomi sejagat dan ketamadunan dunia tanpa sempadan.

Pengenalan akta kerja sosial ini amat membantu memberikan perlindungan dan kepentingan profesion kerja sosial. Sistem undang-undang amat membantu persekitaran sosial pelanggan kerana dapat memberikan keadilan perlindungan sepenuhnya. Apabila terdapat satu akta khusus maka secara tidak langsung kualiti perkhidmatan sosial akan menjadi lebih mesra dan cekap. Kepentingan akta kerja sosial ini sedikit sebanyak menjadi kuasa undang-undang terpenting dalam profesion kerja sosial. Apabila wujud akta kerja sosial ini ianya mengawal selia semua aktiviti perkhidmatan kerja sosial (Mooney & McGregor, 2021). Sebagaimana contoh profesion kaunselor mempunyai lembaga kaunselor yang mengawal pengeluaran lesen kepada individu yang bekerja sebagai kaunselor. Oleh itu dengan adanya akta ini menjadi panduan dan rujukan tatacara profesion kerja khidmat sosial dilakukan. Wajarlah akta kerja sosial dibuat dan diwujudkan kerana profesion kerja sosial ini berdepan dengan masyarakat, orang perorangan, syarikat dan sebagainya.

Di Malaysia telah menggubal undang-undang dalam bentuk mengawal dengan mengeluarkan lesen atau mengawal amalan praktis kerja. Pihak kerajaan boleh menarik semula lesen yang dikeluarkan jika melanggar undang-undang. Justeru itu seorang pekerja khidmat sosial perlu tahu dan mempunyai pengetahuan lengkap berkenaan undang-undang dan akta berkaitan bagi memenuhi keperluan pelanggan mereka. Keseragaman peraturan dan akta yang digunakan ianya membentuk skop kerja yang profesional (Siti Hajar et al., 2020). Oleh itu jelas menunjukkan bahawa profesion kerja sosial sektor awam menjadikan punca kuasa yang boleh mengarahkan kerja sosial pihak swasta atau individu melaksanakan apa yang telah di program oleh pihak kerajaan

menerusi dasar-dasar kerajaan sedia ada. Apabila terbitnya akta kerja sosial secara tidak langsung ianya bukan sahaja digunakan oleh pekerja sosial sektor kerajaan bahkan menjadi panduan dan rujukan pihak swasta, NGO dan badan-badan kepentingan yang lain. Sepertimana pekerja sosial sektor awam seperti JKM telah melihat sepenuhnya kriteria tugas bidang kerja pekerja sosial untuk membina dasar dan melakukan penambahbaikan dasar. Dasar yang telah dilakukan perlukan satu kolaborasi bersama-sama dengan badan pekerja swasta, individu dan badan kepentingan yang lain untuk menerima satu bentuk faedah kepentingan bersama (Samir et al., 2020). Keluhuran akta ini bernaung bawah undang-undang menyebabkan ianya wajar diiktiraf supaya badan ini berdiri dengan sendirinya berpandukan satu undang-undang khas.

Pekerja sosial adalah merupakan sumber manusia yang tidak lari daripada melakukan kesalahan dan melanggar etika kerja (Reamer, 2005). Oleh itu bagi melahirkan pekerja sosial yang berdedikasi dan bertanggungjawab maka satu akta kerja khas yang dapat memantau segala tindakan pekerja sosial ke arah amalan kerja yang berkualiti dan profesional. Karenah birokrasi, kesalahan rasuah dan tatatertib sangat sinonim dengan penjawat sektor kerajaan. Maka, pekerja sosial juga tidak lari dan terkecuali daripada masalah disiplin dan pelanggaran etika kerja ini. Oleh itu amalan kerja berkualiti berlaraskan dengan akta dan peraturan menjadikan pekerja sosial lebih produktif, progresif dan profesional. Maka dengan adanya akta kerja sosial membantu pekerja sosial berdisiplin dan takut mengingkari serta melanggar undang-undang.

Aspek jangkauan bidang kerja sosial di Malaysia amat meluas, maka seharusnya dengan adanya akta kerja sosial dapat membantu bagaimana pekerja sosial bertindak seragam dalam satu bentuk polisi kerja yang teratur dan tersusun (Fatimah & Noor Azizah, 2001). Berdasarkan kepada tinjauan menunjukkan di sektor awam pekerja sosial ramai berada di bawah pihak berkuasa tempatan dan juga badan-badan berkanun oleh itu mereka mendapat punca kuasa daripada akta undang-undang yang telah diarahkan oleh kementerian terlibat (Samir et al., 2020). Sebagai pekerja sosial perlu sentiasa bersedia memberikan pelbagai maklumat seperti laporan semasa, statistik dan sebagainya yang dikehendaki oleh pihak berwajib contohnya mahkamah. Oleh itu pekerja sosial perlu sentiasa bertindak berdasarkan kuasa yang diberikan dengan amanah. Bidang kerja sosial perlu selaras dengan akta kerja sosial yang lebih ke arah bentuk perlindungan kepada masyarakat. Pekerja sosial adalah salah satu pekerja yang sangat rapat dengan masyarakat dan mendalami masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Oleh itu sebagai seorang pekerja sosial perlulah cekap dan mengetahui selok belok akta bidang kerja sosial dengan berpandukan undang-undang. Dengan adanya undang-undang menjadikan pekerja sosial lebih berkarisma dan dapat membezakan nilai profesional mereka dan mengawal segala tindak tanduk keputusan yang dibuat lebih sempurna (Sue & Orchard, 2015). Apabila bidang kerja sosial mempunyai akta kerja sosial tersendiri maka pekerja sosial perlu tahu dan berupaya memahami keseluruhan intipati akta tersebut. Jika pekerja sosial gagal memahami intipati akta sudah pasti ianya memudaratkan pekerja jika terlibat dengan kejadian yang mana membolehkan mereka didakwa oleh pelanggan akibat daripada melanggar peraturan akta kerja sosial tersebut.

2.8. Cabaran Perundangan dalam Kerja Sosial

Cabaran perundangan dalam kerja sosial bermula daripada isu-isu sosial yang ditimbulkan dan sedang atau telah berlaku dalam kehidupan masyarakat di Malaysia. Isu ini kemudiannya berbangkit daripada perasaan tidak puas hati melalui tindakan yang diputuskan oleh individu kepada individu, kejiwaan dan komuniti setempat.

Perkhidmatan kerja sosial sering kali berdepan dengan pelbagai jenis konflik seperti konflik perorangan, persahabatan dan masyarakat. Pelanggaran undang-undang oleh masyarakat menyebabkan timbulnya konflik dan masalah dan akhirnya gagal diselesaikan dengan mudah. Menurut [Kwinyike \(2017\)](#) pelanggaran undang-undang disebabkan kurangnya kefahaman dan mengharapkan proses terutamanya litigasi mendisiplinkan kepada peraturan dan undang-undang terletak pada didikan keluarga, guru-guru dan badan penguat kuasa dengan harapan mengikut norma-norma yang dikongsi bersama. Oleh yang demikian menyedari isu salah laku pelanggaran peraturan atau undang-undang yang berlaku dalam masyarakat menjadikan kerja sosial begitu kompleks dan sukar dilaksanakan jika tiada ada akta profesional kerja sosial yang muktamad.

Kerja sosial merupakan satu agensi yang terserlah antara undang-undang dan proses sosial. Hal ini kerana peranan pekerja sosial adalah berdasarkan kepada masalah yang timbul dalam masyarakat serta tiada jalan penyelesaian yang berpanjangan mengenai situasi keadaan di mana terdapat campur tangan undang-undang ke dalam peribadi individu terbabit. Mereka diklasifikasikan sebagai mengambil alih peranan pengantara dalam menyelesaikan simpulan isu kes seperti kawalan kehakiman terhadap pertikaian yang tidak menentu seperti penderaan kanak-kanak ([Nanthini & Khadijah, 2021](#)), penderaan pasangan, komitmen sukarela, dan penceraian; institusi litigasi pembaharuan; ketetapan keadilan juvana dan jenayah; dan agensi peraturan dan penyertaan awam dalam proses pengawalseliaan. Takrifan ini adalah praktikal dan konsisten dengan konseptualisasi yang serupa dalam perundangan dan kerja sosial. Ianya juga meletakkan kerja sosial bersignifikan dengan undang-undang dengan cara mendedahkan konteks undang-undang di mana masalah kerja sosial diselesaikan sehingga terbongkar kebenarannya. Dalam menyelesaikan masalah ianya memerlukan pekerja sosial yang profesional bagi mencari pendekatan menyelesaikan masalah dengan efisien, progresif dan produktif.

Apabila perundangan telah dibentuk dan digubal selaras dengan keperluan perubahan dalam persekitaran ketamadunan manusia kini maka timbul beberapa persepsi berkenaan dengan kebimbangan pelanggan dalam penetapan sosio perundangan. Antara persepsi yang dikenal pasti ialah pelanggan akan membawa masalah kepada pekerja sosial dan cuba tidak memberikan kerjasama yang baik seperti tidak mendedahkan dimensi masalah sebenar mereka ([Kwinyike, 2017](#)). Selain itu pelanggan juga ikhtiar mencari bantuan untuk meletakkan diri mereka dalam kedudukan yang baik dan stabil sebelum adanya campur tangan daripada pekerja sosial. Rentetan daripada persepsi tersebut maka sebagai seorang pengamal undang-undang perlu peka dan sentiasa bersedia dengan apa juga jangkaan kemungkinan berlaku dan perlu dihadapi ([Albert, 1985](#)).

Sebagai peramal perundangan di Malaysia perlu menghayati permasalahan sosial dan menekankan undang-undang fleksibel dengan kehendak masyarakat ketika ini. Namun begitu kes-kes yang tidak pernah hilang dalam masyarakat memberikan masalah besar kepada pengamal undang-undang bagi membuat undang-undang baru atau menggubal perundangan sedia ada. Antara masalah sosial tersebut ialah jenayah dan AIDS ([Siti Hajar et al., 2020](#)). Melewati ancaman wabak pandemik Covid-19 memberikan jurang masalah sosial lebih besar seperti kemiskinan dan pengangguran. Empat langkah pengamal undang-undang perlu melakukan pendekatan mengatasi cabaran sosial seperti i. keadaan sosial yang mana berlakunya isu dan kes dalam masyarakat; ii. persepsi yang dijangkakan daripada pelbagai pihak tentang isu dan kes tersebut; iii.

Penilaian yang perlu dilakukan untuk melihat kesan masalah bagi mencari solusi dan tindakan selanjutnya; dan iv, Jalan penyelesaian dilakukan bagi menyelesaikan isu dan kes berkenaan menerusi tindakan daripada aktor terlibat dan keputusan dilakukan setelah mengambil kira jalan terbaik (Mooney, & McGregor, 2021).

2.9. Cabaran Pilihan Antara Piawaian Etika dan Undang-Undang Pekerja Sosial

Pekerja sosial sering menghadapi keadaan di mana piawaian etika adalah konsisten dengan jangkaan undang-undang dan keperluan. Dimana apa-apa yang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang signifikan dan serasi dengan piawaian etika semasa dalam kerja sosial. Keadaan ini menimbulkan dilema moral kepada pekerja sosial. Pekerja sosial dalam dilema apabila terdapat pilihan etika atau undang-undang menyebabkan amalan kerja sosial membentuk beberapa corak berbeza secara konseptual berdasarkan dua dimensi utama (Reamer, 2005).

a. Dimensi pertama: Dimensi pertama apabila ianya melibatkan keadaan dimana tindakan pekerja sosial tidak konsisten dengan piawaian undang-undang, jangkaan dan keperluan. Pekerja sosial mungkin menghadapi keadaan dalam mana tindakan mereka mungkin mematuhi atau melanggar undang-undang sedia ada (tindakan suruhanjaya). Pengamal undang-undang juga mungkin menghadapi keadaan-keadaan di mana kegagalan mereka bertindak adalah selaras dengan atau melanggar undang-undang sedia ada.

b. Dimensi kedua: Dimensi kedua terjadi melibatkan keadaan dimana pilihan pekerja sosial adalah atau tidak konsisten dengan pra-piawaian etika yang terdapat dalam profesional mereka. Seperti dengan keputusan undang-undang, pekerja sosial mungkin menghadapi keadaan di mana tindakan mereka mungkin mematuhi atau melanggar sedia ada piawaian etika dalam profesion (tindakan suruhjaya). Pengamal undang-undang juga menghadapi keadaan di mana kegagalan mereka bertindak adalah konsisten atau melanggar piawaian etika sedia ada.

Pekerja sosial mengalami cabaran ketika ini kerana polisi sedia ada masih berada tahap lama dan ianya perlu dilakukan penambahbaikan kepada polisi tersebut seiring dengan peredaran zaman dan masalah-masalah yang mempunyai kaitan dengan kes undang-undang (Siti Hajar et al., 2020). Menyedari terdapat lompong-lompong dalam undang-undang pekerja sosial dalam polisi sosial sedia ada, maka akta khas pekerja sosial perlu dibuat bagi memastikan pekerja sosial mudah membuat keputusan dan segala tindakan yang dilakukan oleh pekerja sosial berada dalam kawalan. Selain itu amalan kerja sosial yang beretika adalah perlu bagi memastikan etika pekerja sosial sentiasa terjaga dan masyarakat tidak memandang rendah profesion kerja sosial ini jika mengamalkan etika kerja yang berkualiti (Siti Hajar et al., 2020).

2.10. Cabaran Kerja Sosial Menggubal Dasar Perundangan

Pekerja sosial tidak perlu memegang jawatan seperti jawatan dalam politik atau memegang jawatankuasa untuk mempengaruhi dasar perundangan. Oleh yang demikian, pekerja sosial perlu mempunyai kemahiran dan perspektif (konsep, nilai dan kepercayaan) yang penting dalam proses penggubalan dasar perundangan. Kemahiran dan perspektif ini berakar umbi dalam sejarah kerja sosial dan pengalaman bekerja secara langsung dengan orang awam untuk menangani cabaran dan keperluan yang mereka hadapi dalam kehidupan seharian mereka. Cabaran kemahiran dan perspektif

dengan lebih terperinci untuk memahami asas yang boleh dibina kemahiran yang dipertingkatkan ditetapkan untuk amalan dasar perundangan. Oleh yang demikian, cabaran pekerja sosial menguasai semua kemahiran dan latihan amalan diperlukan dalam pelbagai bidang digunakan dalam pelbagai tetapan dasar perundangan. Cabaran ini termasuk apa yang telah ditetapkan dalam amalan kerja yang luas (makro) yang bermatlamat bukan perubahan individu atau akses kepada sumber tetapi lebih kepada perubahan dasar supaya seluruh kumpulan dalam satu pasukan antara kerja sosial dan pengamal perundangan boleh mendapat akses kepada sumber yang diperlukan. Cabaran kemahiran amalan kerja sosial dalam penggubalan dasar perundangan adalah seperti berikut menurut [Figueira \(1993\)](#):

2.10.1. Kemahiran penglibatan (engagement skills)

Pembinaan hubungan saling percaya dengan kerumitan masalah pelanggan yang datang dari pelbagai latar belakang dan pengalaman berbeza. Maka kemahiran yang sama boleh digunakan dalam amalan dasar perundangan, memupuk hubungan dengan aktor dalam tetapan dasar termasuk penggubalan undang-undang, penganalisis dasar agensi negeri dan sebagainya. Semua peserta yang terlibat dalam penggubalan dasar undang-undang mempunyai perbezaan personaliti dan perspektif yang berbeza mengenai matlamat dasar dan proses dasar. Pekerja sosial terlibat sebagai peserta dalam prosesnya penggubalan dasar mesti mendapat kepercayaan orang lain supaya mereka dilihat sebagai membentangkan fakta dan maklumat kepada orang lain secara jujur, terus terang tanpa manipulasi atau penahanan maklumat yang disengajakan bertentangan dengan perspektif mereka sendiri. Jika pekerja sosial tidak dapat membina kepercayaan dengan aktor pembuat dasar menyebabkan terbit cabaran dalam menyiapkan dasar perundangan berkenaan.

2.10.2. Kemahiran penilaian (assessment skills)

Cabaran kemahiran ini digunakan oleh pekerja sosial untuk memahami orang di sekeliling persekitarannya untuk mendapatkan peluang untuk campur tangan. Penilaian kemahiran digunakan untuk memahami masalah, menganalisis cadangan penyelesaian untuk kesesuaian keadaan.

2.10.3. Kemahiran komunikasi

Kemahiran ini penting untuk mewujudkan hubungan dengan pelbagai pihak. Pengamal dasar kerja sosial mesti boleh berkomunikasi dengan pelbagai golongan termasuk golongan pembangkang yang sering menimbulkan konfrontasi. Maka cabaran pekerja sosial yang terlibat dalam pembinaan dasar rang undang-undang perlu mahir menggunakan kemahiran konfrontasi secara bijaksana. Pekerja sosial perlu mampu memberikan keterangan di hadapan jawatankuasa dan membuat kes dengan fasih untuk pru-rang undang-undang yang dikemukakan adalah amat diperlukan dalam beberapa peranan amalan dasar perundangan. Pengamalan dasar juga menggunakan penulisan kemahiran untuk menyediakan laporan kertas putih tentang isu-isu, titik perbincangan untuk rangkaian amaran perundangan dan taklimat polisi untuk diedarkan kepada pembuat dasar.

2.10.4. Kemahiran menyelesaikan masalah dan berunding

Cabaran kerja sosial dalam menyelesaikan dan berunding sama ada dengan individu, keluarga dalam menjanakan alternatif. Kerja sosial ini berada di tengah-tengah perantara cuba membantu pihak menyelesaikan masalah berdasarkan situasi menang-menang. Begitu juga dalam membina dasar perundangan, apabila pengamal dasar mengenal pasti keperluan dan membangunkan dasar alternatif untuk menangani keperluan tersebut. Timbul cabaran apabila pekerja sosial tidak dapat menjanakan alternatif yang diharapkan oleh pembuat dasar perundangan. Pekerja sosial perlu cekap dan mempunyai kemahiran perundingan yang tinggi dalam menyelesaikan isu-isu dan kes berlaku yang melibatkan pembuatan dasar rang undang-undang di parlimen.

2.10.5. Kemahiran rangkaian dan kerjasama

Cabaran kemahiran ini apabila kerja sosial tidak profesional dalam menggunakan sumber diperlukan. Sebagai contoh pekerja sosial tidak mempunyai rangkaian kerjasama dengan pihak sekolah akan membantutkan usaha penggubalan dasar dan mencari inisiatif dalam bidang perundangan. Kerja sosial perlu mendapat sokongan daripada pelbagai pihak dalam menunjukkan sokongan berasaskan rang undang-undang yang sedang dipertimbangkan dalam untuk meluluskan rang undang-undang tersebut.

3. Perspektif Menangani Masalah Sosio Perundangan dalam Amalan Kerja Sosial

Perspektif untuk menangani masalah sosio perundangan dalam amalan kerja sosial. Sesetengah mungkin kelihatan jelas berbeza antara sosio perundangan dan kerja sosial namun begitu ianya saling berkaitan antara satu sama lain. Apabila profesional kerja sosial dihargai oleh masyarakat dan juga individu maka secara tidak langsung masalah sosio undang-undang dapat ditangani dengan mudah dan berkesan. Berikut adalah pendekatan perspektif menurut [Kwinyike \(2017\)](#).

3.1. Terdapat undang-undang khas bagi perkhidmatan pekerja khidmat sosial

Konteks undang-undang untuk amalan kerja sosial mengambil beberapa konteks iaitu struktur perundangan untuk kebajikan sosial pembiayaan; sempadan yang dapat melindungi hak undang-undang pelanggan secara serentak dan mengawal budi bicara rasmi; dan sekatan untuk salah laku profesional. Pertama melalui pemerhatian bahawa perundangan akan membuat dasar sosial, mengenal pasti hak dan kewajipan dan memperuntukkan dana untuk pelaksanaan program. Dalam situasi ini perundangan telah menetapkan had daripada dana program yang ada, menyediakan rangka kerja dalam perkhidmatan yang akan digunakan, menggariskan substantif, hak, tujuan dan matlamat luas perundangan dan penerima manfaatnya. Kedua, konteks undang-undang membantu melindungi hak undang-undang pelanggan dengan mengenakan struktur, yang biasanya termasuk peraturan-peraturan yang berpunca daripada perundangan khusus dan direka untuk menjaga terhadap sesuatu penyalahgunaan 'kuasa budi bicara' oleh pegawai agensi pentadbiran. Hasil daripada menggubal undang-undang ini maka ianya memberikan perlindungan kepada pelanggan. Sekali gus ianya meningkatkan pergantungan kepada badan dan pengamal undang-undang yang mengawal dan melaksanakan apa yang terkandung dalam perundangan sosial. Sebagai contoh Malaysia sebuah negara demokrasi berparlimen dan mempunyai badan kehakiman, eksekutif dan perundangan, maka sebagai badan perundangan yang menjaga keadilan, perlindungan dan kebajikan sosial untuk masyarakat ianya perlu mempunyai satu sistem rang

undang-undang sosial. Pembinaan undang-undang ini akan menjamin melindungi hak individu. Namun begitu, terdapat sempadan undang-undang yang menyekat jika terdapat penyalahgunaan kuasa melebihi had undang-undang.

Salah satu contoh lain pekerja khidmat sosial adalah salah satu badan yang boleh memberikan perkhidmatan profesional membantu mendengar masalah pelanggan supaya mereka rasa selamat dan tidak terancam. Pekerja khidmat sosial perlu menjaga semua kerahsiaan maklumat pelanggan dan memberikan nasihat jika keadaan membahayakan pelanggan. Keadaan ini bergantung kepada kes pelanggan jika membahaya pekerja khidmat sosial perlu melaporkan kepada polis atau mengambil langkah-langkah munasabah bergantung kepada situasi pelanggan. Tidak semua pelanggan mampu membayar kos-kos seperti kos guaman maka peranan pekerja khidmat sosial diperlukan untuk mencari jalan membantu pelanggan yang tidak berkemampuan. Oleh itu bagi menjaga kuasa pekerja khidmat sosial maka satu rang undang-undang diperkenalkan bagi mengawasi had-had kuasa pekerja sosial tidak tersalah guna.

3.2. Masalah yang ada dalam komuniti boleh dijadikan asas pembinaan undang-undang untuk campur tangan atau mungkin dapat mencadangkan strategi bagi pembaharuan undang-undang

Menangani masalah dari skop sosio perundangan ialah bagaimana menggubal sesuatu undang-undang berpunca daripada masalah yang terdapat dalam masyarakat. Undang-undang baru, polisi, akta dan dasar sosial berfungsi daripada pelbagai masalah yang wujud dalam bidang sosial. Dengan adanya undang-undang menunjukkan kecekapan dan keberkesanan sistem perundangan negara. Pekerja sosial yang merelaikan kemelut masalah sosial dalam masyarakat menggunakan pendekatan undang-undang bagi merelaikan keperluan pelanggan dan isu sosial yang berbangkit dalam masyarakat (Reamer, 2005).

Dalam aspek undang-undang masalah yang timbul adalah berbeza dan tidak sama. Apabila teretusnya masalah yang berbeza dalam masyarakat maka undang-undang yang hendak digunakan adalah berbeza mengikut kes dan bidang profesional pekerja khidmat sosial. Sebagai contoh bidang khidmat pekerja sosial dalam perubatan dan pendidikan awal kanak-kanak dan amalan undang-undang yang digunakan dalam dua bidang ini juga berbeza. Oleh yang demikian, latihan dan pengalaman profesional secara tidak langsung mempengaruhi pengamal pilihan intervensi yang akhirnya membentuk pengiktirafan dan tindak balas mereka kepada mana-mana aspek antara disiplin masalah pelanggan tersebut. Sebagai contoh apabila membincangkan masalah kerja sosial yang nampak mudah dan skop kerja telah dikaji mengikut perundangan yang sesuai pada peringkat asas. Cabaran telah diketahui ketika melakukan tahap penyelidikan dalam undang-undang dan terdapat kekeliruan undang-undang berkenaan. Oleh yang demikian dicadangkan untuk menangani kekeliruan daripada cabaran tersebut daripada pandangan pelanggan ialah kos perbelanjaan yang terlibat berada dalam keadaan luar jangkauan.

3.3. Terdapat juga kerjasama antara pengamal undang-undang dan pekerja khidmat sosial. Bergandingan dengan golongan profesional boleh menjadi produktif namun begitu terdapat juga jalinan kerjasama ini menemui jalan buntu

Terdapat banyak peluang untuk bekerjasama antara pekerja sosial dan pengamal undang-undang. Peluang ini adalah salah satu mencari jalan penyelesaian menyelesaikan masalah dalam masyarakat yang melibatkan isu-isu dan kes perundangan. Selain itu pengamal undang-undang hanya melihat dari satu arah skop iaitu perundangan manakala bagi pekerja sosial melihat dari pelbagai aspek isu-isu dan kes-kes yang sentiasa ada dalam masyarakat dan gagal ditangani dan ianya perlu ditangani dengan kerjasama badan perundangan untuk menyelesaikan masalah. Dalam sosio perundangan tanggapan masalah ini terjadi dan berlaku dalam masyarakat akibat daripada ketiadaan didikan disiplin yang sempurna. Bagi menangani masalah ini, maka pengamal undang-undang perlu bekerjasama dengan aktor profesional daripada pekerja sosial yang terpilih bagi mencari penyelesaian bersama.

Menurut [Lukton \(2004\)](#) dalam [Kwinyike \(2017\)](#) mendedahkan apabila terdapat peluang menjalinkan kerjasama atau kolaborasi dengan pekerja sosial membuka peluang di antara pengamal undang-undang. Selain itu menurut [Siti Hajar et al. \(2020\)](#) kerjasama antara badan perundangan dan pekerja sosial membuahkan hasil dalam menyelesaikan kes terkini akibat daripada pergolakan rumah tangga menyediakan satu faedah yang boleh diperolehi daripada perkongsian profesional ini. Selain itu menurut [Nanthini dan Khadijah \(2021\)](#) ketegangan pekerja sosial dan pengamal undang-undang boleh dikurangkan jika mereka memahami peranan, nilai, tujuan, kaedah dan sumbangan masing-masing yang dapat menyokong peranan bersama-sama menangani kes penderaan kanak-kanak di taska. Namun begitu gandingan kumpulan profesional ini berakhir dengan jalan buntu apabila terdapat campur tangan pelbagai pihak dalam mencari solusi perundangan.

4. Kesimpulan

Peranan kerja sosial perundangan dalam membantu badan perundangan adalah merupakan salah satu langkah bagi memudahkan urusan tadbir negara terutama dalam perundangan. Cabaran mengaplikasikan undang-undang dan cuba menyelesaikan masalah pelanggan memberikan tamparan hebat buat pekerja sosial. Terdapat pelanggan cuba meletakkan diri mereka berada di tempat lebih baik tanpa ada campur tangan daripada pekerja sosial. Ianya memberikan cabaran hebat kepada profesion kerja sosial. Maka urusan perundangan sosio ini membantu amalan kerja sosial berada dalam tahap mengikut piawaian yang termaktub dalam akta profesion kerja sosial. Urusan tadbir dapat dilakukan dengan lancar dengan adanya perkhidmatan kerja sosial sebagai tambahan kepada perwakilan undang-undang dalam mengendalikan kes-kes perundangan. Kerjasama antara peguam dan pekerja sosial dalam konteks perkhidmatan perundangan membentuk satu bidang kerja yang profesional. Dengan adanya piawaian etika kerja sosial dan sistem pengurusan kes klien, ia akan memudahkan jalan kerja pekerja sosial perundangan di Malaysia dan bertindak secara seragam. Namun demikian, peranan kerja sosial perundangan di Malaysia masih kabur. Masyarakat hanya menyedari peranan kerja sosial di Malaysia apabila segelintir mereka terlibat dengan masalah kes-kes jenayah dan isu-isu perundangan. Oleh yang demikian, berkenaan dengan peranan pekerja sosial perundangan dan kewujudan mereka untuk menolong dan memudahkan cara masyarakat menggunakan perkhidmatan perundangan. Namun begitu, penulisan artikel ilmiah berkenaan dengan peranan

pekerja sosial perundangan di Malaysia masih terhad. Hal ini juga menjadi satu alasan masyarakat tidak mengetahui kewujudan profesion ini dalam perundangan negara.

Bagi badan perundangan mengambil pekerja sosial dalam membantu bidang ini menimbulkan beberapa persepsi dan pandangan yang berbeza dalam masyarakat. Secara umum masyarakat beranggapan bahawa kerja sosial perundangan adalah tidak penting kerana semua kes perundangan negara hanya melibatkan pengamal undang-undang yang sah seperti peguam sahaja yang boleh memberikan nasihat berkenaan dengan kes-kes dan isu-isu perundangan. Namun begitu terdapat persepsi dari badan perundangan sendiri apabila kerja sosial mewakili badan perundangan ianya lebih melancarkan perjalanan perundangan negara. Banyak kes yang tidak dapat diselesaikan dan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Dengan adanya bantuan daripada pekerja sosial perundangan melancarkan semua kes tertunggak dengan melakukan siasatan rapi dan melaporkan penemuan kes dengan segera. Selain itu juga klien juga dapat membezakan pekerja sosial perundangan adalah pekerja yang dapat menjaga kebajikan mereka semasa kes berlangsung di mahkamah. Klien juga menggunakan khidmat pekerja sosial perundangan adalah secara percuma di setiap jabatan kerajaan berbeza dengan perkhidmatan guaman swasta yang perlu dibayar sebelum mendapatkan perkhidmatan perundangan. Profesion kerja sosial perundangan ini dapat dilihat apabila pekerja sosial mempunyai latar belakang bidang perundangan dan berpengetahuan luas dalam perundangan. Hal ini menyebabkan klien lebih yakin untuk menggunakan khidmat pekerja sosial perundangan.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Artikel ini adalah sepenuhnya dari pengalaman penulis sebagai sukarelawan di bawah Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur dan perbincangan hasil kajian-kajian lepas.

Kewangan (*Funding*)

Penulis memperoleh geran pembiayaan yang dikenali sebagai geran Penjanaaan Penyelidikan 2021 dengan no. kod S/O 21123 sebanyak RM10,000 dari Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Utara Malaysia dan geran komuniti Petaling Jaya Mampan (2021) dengan no. kod S/O 21200 sebanyak RM8,400 dari Majlis Perbandaran Petaling Jaya untuk penulisan ini.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan dalam kajian dan penerbitan ini.

Rujukan

- Adi Fahrudin (2003). Kod etika dalam profesion kerja sosial: satu keperluan dalam konteks Malaysia. *Kertas kerja dalam persidangan kebangsaan etika gunaan dan professional 2002*, anjuran Pusat Pengajian Umum, UKM, 9-10 Oktober 2002.
- Albert, R. (1985). Addressing Socio-Legal Problems: A Unifying Perspective for Social Workes. *The Journal of sociology & social welfare*, 12(4).

- Astro Awani (2021, Mac 17). Rang undang-undang profesion kerja sosial dalam peringkat akhir. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rang-undangundang-profesion-kerja-sosial-dalam-peringkat-akhir-288452>
- Chamberlain, E. R. & Graff, J. (2008). Introducing social work to legal aid. *Australian Social Work*, 35(2), 7-14
- Courtney, M., & Hook, J. (2012). Evaluation of the impact of enhanced parental legal representation on the timing of permanency outcomes for children in foster care. *Children and Youth Services Review*, 34, 1337–1343
- Craige, H. B., Saur, W. G., & Arcuri, J. B. (1982). The practice of social work in legal services programs. *The Journal Of Sociology and Social Welfare*, 9(2), 307-317.
- Fatimah Zailly Ahmad Ramli & Noor Azizah Ahmad. (2001). Pengenalan kepada polisi sosial. Dlm Azlin, H. H., Farimah Zailly, A. R., Rusimah, S. & Yusmarhaini, Y. (Eds.), [p.p 3-13]. *Polisi, Perundangan dan Amalan Kerja Sosial*. Sintok; Penerbit UUM.
- Figueira-McDonough, J. (1993). Policy practice: The Neglected side of social work intervention. *Social Work*, 38(2), 179-188
- Haris Abd Wahab. (2003). Jangkaan terhadap peranan pekerja sosial perubatan di Malaysia. *Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara (JATI)*, 8, 85-103.
- Gibens, S. (2014). *Socio-legal services: the link between legal aid and social work in a democratic market*. In B. Hubeau & A. Terlouw (Eds.), *Legal aid in the Low Countries* (pp.293-305). Cambridge :Intersentia
- Kaur, M. (October 9, 2019). New law soon to grant social workers professional status. Free Malaysia Today. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2019/10/09/new-law-soon-to-grant-social-workers-professional-status/>
- Kwinyike, J. (2017). Tracing challenges to socio-legal practices: the best way forward. *Ijariee*, 3, 2395-4396
- Lukton, R. (2004). Social services, social policy and the law. *Social Casework*, 58, 523-529.
- Mohd Kamaruzaman Ali. (2017). Kerjasama jabatan kerja sosial perubatan dengan agensi bantuan. Myhealth. Diakses dari <http://www.myhealth.gov.my/jaringan-kerjasama-antara-jabatan-kerja-sosial-perubatan-dengan-agensi-agensi-pemberi-bantuan/>
- Mooney, J. & McGregor, C. (2021). The importance of teaching social work as a sociolegal practice: An Irish Perspective. *Journal of Social Work Education*, 0(0), 1-12.
- Nanthini Ramalingam & Khadijah Alavi. (2021). Cabaran pekerja sosial dalam mengendalikan pengurusan kes penderaan kanak-kanak di Taska. *Universiti Malaysia Terengganu Journal of Undergraduate Research*, 3(1), 99-110
- Phillis, A. (1979). *Social Work and Delivery of Legal Services*. The modern law review.
- Pott, R. (2017). Delivering social work services in collaboration with the legal representation for individual clients: an effective, ethical and economical approach to supporting families in child abuse and neglect legal proceedings. *Child Abuse & Neglect*, 73, 24-29
- Reamer, F. G. (2005). Ethical and legal standard in social work: consistency and conflict. *Family in society. The Journal Of Contemporary Social Services*, 86(2), 163-169.
- Samir Muzahhab Amin, Mohd Suhaimi Mohammad & Muhd Dhamir Audi Azizul. (2020). Analisa perspektif kepentingan akta profesional kerja sosial di Malaysia. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 23(1), 196-212.
- Shelton, M. (2020). *The interplay of law and social work: how lawyers can benefit from a social work perspective in advocating for the best interests of mistreated children*. Diakses dari https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=3595370

- Siti Hajar Abu Bakar Ah, Haris Abd Wahab, Noralina Omar, Mashitah Hamidi, Zaiton Azman, Al Azmi BakarMohd Razman Achmadi Muhammad & Azreen Rusnan. (2020). Tahap pengamalan praktis kerja sosial dalam kalangan pegawai kebajikan di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 5(2), 68-85
- Sue L. & Orchard, K. (2015). Why social workers must engage with advocates who challenge their decisions. *Community Care*. Diakses dari <https://www.communitycare.co.uk/2015/08/17/social-workers-must-engage-advocates-challenge-decisions/>
- Zela Wati. (2021). *Perlindungan negara terhadap fakir miskin berdasarkan undang-undang no 13 tahun 2011 tentang penanganan fakir miskin*. [Tesis Sarjana Program Studi Hukum Tata Negara, Universitas Islam Negeri Suna Kalijaga Yogyakarta].
- Zajac, T. (2011). *Social work and legal services integrating disciplines: lesson from the field*. LAAC. Legal Aid Association of California.
- Zulazhar Tahir. (2011). Hak untuk mendapatkan peguam semasa perbicaraan jenayah bagi golongan yang tidak berkemampuan di Malaysia. Artikel Persidangan Kebangsaan Sains Sosial Unimas 2011: *Pembangunan ke Arah Masa Depan yang Mapan, 20-21 April 2011*, CTFI Kampus Barat, Universiti Malaysia Sarawak.